

KPN tak layak ketuai siasatan kes bantah salib, kata DAP
The Malaysian Insider
April 21, 2015

Ketua Polis Negara (KPN) Tan Sri Khalid Abu Bakar dinasihatkan tidak terlibat dalam siasatan kes bantahan salib oleh penduduk Taman Medan di Petaling Jaya bagi mengelakkan konflik kepentingan, kata Tony Pua.

Sebaliknya, setiausaha publisiti DAP itu berkata, siasatan perlu diambil alih dan diketuai Timbalan KPN Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim, dan melaporkannya terus kepada Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Katanya, Khalid tidak layak mengetuai siasatan kes kerana protes terhadap gereja itu diketuai pemimpin Umno, di mana salah seorang daripada mereka adalah abangnya sendiri, Datuk Abdullah Abu Bakar.

"Sekurang-kurangnya tidak ada situasi yang memalukan apabila KPN dengan pantas menyanggah dakwaan hasutan dan mempertahankan tindakan abangnya bagi menghalang siasatan dilakukan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kira-kira 50 orang berkumpul di luar gereja baharu di premis rumah kedai pada Ahad, menuntut lambang salib dibuang.

Khalid pada sidang media di Bukit Aman semalam berkata, tiada elemen hasutan dalam protes kelmarin kerana isu berkenaan tidak melibatkan agama Kristian.

"Kami tidak melihatnya sebagai menghasut kerana ia tidak menyentuh mengenai agama Kristian tetapi hanya tentang lokasi gereja," katanya.

"Kami mengkaji keseluruhan isu dan ia bukan berunsur hasutan kerana ia bukan mengenai agama Kristian.

"Salib itu diturunkan susulan terdapat permintaan daripada masyarakat. Tidak terdapat keganasan," katanya, sambil menambah perkara itu dianggap isu masyarakat dan sudah diserahkan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan kerajaan Selangor.

Pua berkata Khalid seolah-olah mengabaikan protes supaya salib diturunkan, gereja itu ditutup dan perlu berpindah ke tempat lain, yang bermaksud ia adalah halangan terhadap kebebasan agama.

Katanya, tuntutan melampau itu bercanggah dengan Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan apabila undang-undang tidak menyekat kebebasan mengamalkan agama hanya dibenarkan di tempat tertentu sahaja.

Beliau juga mempersoalkan Khalid yang tidak memuat naik status dalam Twitter bagi menjamin siasatan dibuat kerana wujudnya unsur perpecahan dan tidak harmoni agama.

Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara itu turut membidas kenyataan Khalid yang mengatakan kes itu tidak disiasat kerana tidak ada keganasan.

"Jika 'keganasan' merupakan ukuran sesuatu tindakan akta hasutan, kenapa hampir 150 orang ditahan dan dipanggil membantu siasatan di bawah Akta Hasutan walaupun tidak ada sebarang keganasan?"

"Kartunis Zunar didakwa 9 kali kerana menghasut tetapi tidak ada satu pun karyanya menyebabkan pertumpahan darah walau setitis pun sejak bertahun lalu," katanya merujuk kepada penahanan ahli politik pembangkang, aktivis, pengamal media dan ahli akademik kebelakangan ini.

Pua sebaliknya mendakwa, Khalid hanya melindungi tindakan membuli samseng yang mengugut dan mengancam agama dan kaum terhadap golongan minoriti sehingga menimbulkan ketakutan.

Pua yang merupakan ahli Parlimen penggal kedua berkata, respons Zahid adalah tepat kerana beliau merupakan individu paling layak menentukan adanya unsur hasutan memandangkan Akta Hasutan dibentuk di Parlimen.

Kenyataan Zahid bercanggah dengan Khalid apabila menjelaskan tindakan penduduk itu berbau hasutan dan mahu tindakan diambil terhadap kejadian itu.

"Sudah tentu! Ya, ya, ya! Tindakan perlu diambil atau akan diambil terhadap mereka," katanya.

Naib presiden Umno itu berkata, tindakan disiplin juga akan diambil ke atas ahli parti yang menyertai bantahan di gereja itu semalam.

"Sudah tentu, sudah tentu, sudah tentu... Kerana mereka melanggar peraturan. Dalam Umno, kita perlu. Hormati agama lain. Mereka perlu menerima akibatnya," katanya.

Khalid mempertahankan penglibatan abangnya apabila menyatakan Abdullah hadir bagi menenangkan penunjuk perasaan dan memastikan keadaan terkawal tanpa sebarang keganasan.

Namun katanya, beliau tidak akan berkompromi sekiranya sesiapa didapati bersalah walaupun jika ia melibatkan adik-beradik dan anak-anaknya. – 21 April, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kpn-tak-layak-ketuai-siasatan-kes-bantah-salib-kata-dap>